

07/01/1997

MDK syor tarik balik geran tanah

Seri Intan Othman

KENINGAU, Isnin - Majlis Daerah Keningau (MDK) mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menarik balik geran pemilik tanah tempatan yang menyewakan tanah mereka kepada pendatang asing.

Pegawai Daerah Keningau, Louis Rampas, berkata tindakan melucutkan geran tanah pemilik itu adalah langkah tegas menghalang kewujudan rumah haram baru, khususnya di sepanjang sungai yang tidak selamat.

Ketika dihubungi hari ini, beliau berkata, siasatan yang dijalankan mendapati rumah haram yang ditenggelami atau dihanyutkan banjir kilat pada 26 Disember lalu, dibina oleh pendatang asing di atas tanah yang disewakan pemilik rakyat tempatan.

Menurutnya, cadangan menarik balik geran itu sudah dikemukakan oleh MDK sebelum tragedi itu dan kawasan yang dikenal pasti berleluasa kegiatan menyewakan tanah kepada pendatang asing ialah di tebing Sungai Pampang.

"Langkah melaksanakan cadangan itu sebenarnya sudah di peringkat akhir, tetapi terpaksa ditangguhkan sementara berikutan tragedi berkenaan," katanya.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat daerah Keningau dan menegaskan penduduk yang tinggal di kawasan tebing sungai perlu dipindahkan.

Rampas berkata, kajian yang dijalankan MDK mendapati ada rakyat tempatan yang menyewakan tanah mereka kepada rakyat asing sejak 10 tahun lalu.

"Kami juga akan mendapatkan bantuan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) untuk menghalang kegiatan rakyat asing yang berdegil mendirikan semula rumah di kawasan yang dilarang," katanya.

Menurutnya, bantuan PPKP diperlukan kerana ketika ini pihaknya bergantung kepada kerjasama polis bagi menangani masalah itu.

Beliau berkata, pihaknya mengalami kesukaran menyekat kegiatan mereka yang mendirikan rumah setinggan kerana kekurangan tenaga untuk mengawalinya.

(END)